



ANWAR Ibrahim melihat model rumah pada Majlis Pelancaran Perumahan Penjawat Awam Malaysia Madani di PPAM Pksel Permaisuri, Bandar Sri Permaisuri, Kuala Lumpur semalam. - UTUSAN/SHIDDIEQIN ZON

Tiada lagi bangunan pencakar langit

Dari muka 1

“Bangunan pencakar langit sudah banyak, kalau swasta mahu bangun silakan. Tetapi, kerajaan tidak menjadikan ini sebagai keutamaan lagi. Saya tidak mahu bermegah kerana Malaysia atau Kuala Lumpur ini sudah mempunyai bangunan tinggi, hebat dan terkemuka di dunia.

“Saya mahu tumpuan diberi jabatan bersama semua Kementerian untuk menjaga kebersihan di warung, gerai dan restoran kecil kerana ini yang disantuni 80 peratus rakyat di ibu negara, tetapi, malangnya, tumpuan kita tidak setimpal,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan pelancaran Perumahan Penjawat Awam Malaysia Madani (PPAM MADANI) di

PPAM Pksel Permaisuri, Bandar Sri Permaisuri, sini semalam.

Hadir sama, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr. Zaliha Mustafa; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd. Zuki Ali, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), Datuk Seri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz dan Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail.

Selain itu, Anwar mengingatkan penjawat awam untuk mengelakkan pembaziran termasuk penganjuran majlis-majlis kerajaan meskipun dianggap ‘biasa-biasa’, malah memotong gaji menteri.

Katanya, kerajaan bertegas melawan rasuah kerana amalan seperti itu yang menyebabkan kos meningkat melalui aktiviti

kartel, salah guna kuasa dan ketirisan.

“Tengok penyasaran subsidi diesel. Orang seludup, curi duit kita. Orang asing yang tidak membayar cukai tetapi dapat subsidi diesel. Yang ambil subsidi rakyat. Rakyat yang bayar cukai,” katanya.

Semasa Konvensyen Keadilan Sabah di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah pada Ahad lalu, Anwar dilaporkan berkata, mata wang ringgit kini berada pada tahap terkuat dalam tempoh 14 tahun kerana dasar Kerajaan Perpaduan dan muafakat membangunkan negara secara bersama.

Katanya, ringgit yang sering dipertikai pembangkang sebagai sedang merudum, sebenarnya memperlihatkan aspek pemulihan positif di bawah pentadbiran kerajaan.